

1 Permohonan

K8b/ 150401

- a. Permohonan untuk mengguna Auditorium MPSP hendaklah dibuat secara bertulis atau mengguna borang permohonan tempahan kemudahan Majlis yang boleh didapati di kaunter berpusat MPSP.
- b. Hanya permohonan yang diluluskan sahaja akan dibenarkan mengguna kemudahan auditorium MPSP.
- c. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya satu minggu sebelum tarikh penggunaan untuk diproses.
- d. Semua jenis pertunjukan pentas dan aktiviti yang melibatkan kutipan tiket atau mengenakan bayaran kepada penonton adalah tidak dibenarkan.
- e. Permohonan untuk acara tari-menari atau "live music" adalah tidak dibenarkan.
- f. Pengguna tidak dibenarkan menjalankan apa jua bentuk perniagaan atau promosi di sekitar kawasan lobi kecuali mendapat kebenaran berasingan daripada MPSP.
- g. MPSP tidak bertanggungjawab di atas risiko kegagalan kuasa elektrik dan perkara-perkara diluar jangkaan.
- h. Pengguna dilarang mempamer gambar, kain rentang atau iklan luar daripada auditorium kecuali mendapat kebenaran berasingan daripada MPSP.

MPSP berhak membatalkan kelulusan yang telah diberikan kepada pemohon pada bila-bila masa demi untuk kepentingan MPSP dan Kerajaan. Bayaran sewaan dan cagaran yang telah dibuat akan dikembalikan sepenuhnya tanpa sebarang faedah atau gantirugi.
- i.
- j. Tuntutan balik bagi cagaran dan lain-lain bayaran yang berkaitan hendaklah dikemukakan bersama resit asal bayaran.
- k. Semua jenis permohonan penggunaan auditorium akan dirujuk kepada Pengarah Kemasyarakatan untuk kelulusan.

2 Syarat-syarat Penggunaan

- a. Bayaran sewa dan cagaran hendaklah dijelaskan selepas pengesahan tempahan auditorium MPSP.
- b. Pemohon hendaklah menjaga kebersihan harta benda milik MPSP dan hendaklah membersihkannya selepas penggunaan.

Pemohon adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan keatas harta benda MPSP yang berlaku semasa aktiviti berjalan. Pemohon akan dikehendaki untuk membayar gantirugi sebagaimana yang dituntut oleh MPSP. Wang Cagaran juga akan dipotong mengikut taksiran kerosakan.
- c.
- d. MPSP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan kehilangan dan kemalangan diri semasa aktiviti berjalan.
- e. Sebarang aktiviti memasak, minuman keras dan makanan adalah dilarang sama sekali.
- f. MPSP tidak akan menyediakan kemudahan kerusi / meja tambahan.
- g. Makanan dan minuman adalah tidak dibenarkan di dalam auditorium.
- h. Semua jenis aktiviti perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan adalah tidak dibenarkan.
- i. MPSP berhak membatalkan tempahan pada bila-bila masa sahaja untuk kepentingan MPSP dan Kerajaan.